

BH 21/12

Ringgit ditutup pada paras terendahnya berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sejak 1998 semalam, sejajar kelemahan mata wang pasaran pesat membangun berikutan faktor luaran, kata peniaga.

Pada jam 6 petang, ringgit disebut harga pada 4.4780/4810 berbanding dolar AS daripada paras 4.4765/4795 pada Isnin.

Unit tempatan itu mencecah paras terendah pada 4.71 berbanding dolar AS pada Januari, 1998.

Ketua Penyelidikan Inter-Pacific Securities Sdn Bhd, Pong Teng Siew, berkata pengumuman Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Fed) untuk menaikkan kadar faedah baru-baru ini serta dasar baharu bakal Presiden Donald Trump terhadap infrastruktur perbelanjaan dan pemotongan cukai, ternyata memberi impak kepada mata wang negara pesat membangun Asia yang turut menyaksikan ringgit paling teruk terjejas.

"Ini disebabkan (kedudukan) ringgit sebagai mata wang pilihan kalangan penggiat kerana aspek mudah tunainya," katanya.

Menurut Pong, kenaikan kadar faedah oleh Fed dan jangkaan dasar-dasar baharu Trump, juga membolehkan

para pelabur yang memanfaatkan perbezaan kadar faedah bagi meraih pulangan lebih tinggi di pasaran AS.

"Pengaliran keluar pelabur global secara berterusan daripada pasaran sedang pesat membangun ke AS, juga hanya menekan ringgit untuk terus susut," katanya.

Pong bagaimanapun yakin ringgit tidak akan susut ke tahap lebih rendah daripada paras 4.4780 berbanding dolar AS yang disifatkan pengeksport tempatan sebagai paras yang memadai.

"Ia merupakan paras yang masih kukuh bagi pengeksport untuk meraih untung hasil tukaran dolar AS kepada ringgit," katanya.

Ringgit bagaimanapun, didagangkan secara bercampur-campur serta tinggi berbanding mata wang utama lain.

Berbanding dolar Singapura, ringgit susut kepada 3.0928/0970 daripada 3.0892/0927 pada Isnin namun meningkat berbanding yen kepada 3.7920/7962 daripada 3.8091/8127.

Ringgit juga tinggi berbanding pound British kepada 5.5447/5502 daripada 5.5773/5819 pada Isnin manakala berbanding euro, ia meningkat kepada 4.6495/6531 daripada 4.6762/6811, sebelum ini.

BERNAMA